

**Batu Aceh :**  
**Mesej dan Deklorasi dalam masyarakat Melayu**

**1.00**

I N S T I T U T   T E K N O L O G I   M A R A  
K A J I A N   S E N I B I N A , P E R A N C A N G A N  
D A N   U K U R


---

DENGAN INI TELAH DISAHKAN BAHAWA KAJIAN AKHIR, ARC 471  
MATAPELAJARAN 'HISTORY OF ARCHITECTURE' TELAH DISEDIAKAN  
OLEH :

NAMA : ABDUL MALEK B. HAJI HASSAN  
NO. ITM : 89101943

KAJIAN AKHIRINI TELAH DIBACA DAN DISEMAK OLEH:

EN. AMRAN ABDUL RAHMAN  
SELAKU PENASIHAT, PENYELARAS DAN PENILAI KAJIAN AKHIR  
SERTA PENSYARAH JABATAN SENIBINA, KAJIAN SENIBINA,  
PERANCANGAN DAN UKUR, ITM SHAH ALAM, SELANGOR D.E.

  
.....  
Tandatangan

2-6-93  
.....  
Tarikh

## P R A K A T A

'Harimau mati tinggalkan belang,  
Manusia mati tinggalkan nama'

Peribahasa di atas meninggalkan kesan yang mendalam dalam kajian ini. Batu nisan, satu epigrafi yang terpenting dalam alam melayu yang menghuraikan beribu mesej dalam dan yang terpahat pada dadanya. Deklorasi dan garis-garis yang menghiasinya serta rupabentuk adalah berdasarkan unsur-unsur semulajadi yang berteraskan agama islam dimana pengamatan pertukangan yang tinggi. Ia juga berdiri sebagai satu monumen persejarahan melayu yang memaparkan seni falsafah alam Nusantara yang telah hidup ratusan tahun lampau tentang bahasa dan kesusasteraan.

Dalam bab satu, pengolahan perbincangan sejarah yang ringkas mengenai permulaan kematian yang pertama dan Aceh dengan pergolakkan politik mereka di alam ini. Aceh juga dipercayai pelopor antara yang terawal dalam batu nisan yang melahirkan batu nisan yang dipanggil batu Aceh. Penampilan dan rekacoraknya dipanggil sebagai 'Acehese style' dan pengenalannya serta sejarah bahan kajian.

Dalam bab kedua pula perbincang adalah berdasarkan pada isu kematian, kehidupan dalam masyarakat melayu yang berlandaskan islam. Bab ini juga memperkatakan tentang batu nisan yang digunakan dalam pengkebumian dan proses-proses pada upacara kematian sehingga pada pengkebumian.

Manakala bab ketiga berkisar tentang taipologi dan terminologi batu Aceh daripada jenis, sifat bahan, bentuk, rupa dan perkaitannya dengan penggunaan pada umur, status dan jantina. Secara ringkasnya ia membincangkan mengenai dan mengenali secara dekat apa yang dikatakan batu Aceh.

Pada bab keempat ia akan membawa pada topik yang terpenting dalam siri kajian ini. Seperti yang diketahui deklorasi tidak dapat dipisahkan dari percubaan berkomunikasi iaitu mesej dari batu nisan pada manusia dan lebih ringkas ialah dari generasi ke generasi. Topik ini akan memuatkan contoh-contoh deklorasi seperti unsur kaligrafi hingga pada contoh rekacorak yang kecil.

Dan pada topik yang terakhir iaitu bab lima, kajian ini akan membawakan isu kajian pada tapak yang terpilih. Isu ini akan menghuraikan peranannya pada masyarakat, imej, mesej dan interprerasi bentuk batu nisan yang terdapat pada tapak kajian. Beberapa penemuan baru juga dapat dijelaskan dengan panjang tentang konsep berkongsi liang lahad dan lanskap pada tapak. Pada amnya ia merupakan satu kesimpulan daripada bab-bab yang terdahulu darinya.

Sumber dan data dalam siri ini adalah dari bahan rujukan yang sediada, hasil temubual dengan mereka yang terlibat dalam tajuk kajian dan lawatan tapak dan beberapa tapak lain serta melalui pengalaman manusia yang telah mengharungi atau mengalami peristiwa kematian, pengurusan dan juga proses tersebut terhadap jenazah. Walaupun kajian ini terdapat kekurangan serba sedikit tetapi adalah diharapkan ia dapat menyambung usaha-usaha memelihara bahan sejarah dan juga sebagai satu bahan rujukan terhadap apa yang dikatakan batu nisan dan peranannya terhadap kita.

TERIMA KASIH .

- 01 . PRAKATA
- 02 . SENARAI LAKARAN
- 03 . SENARAI JADUAL
- 04 . SENARAI GAMBAR
- 05 . PENGHARGAAN

#### ISI KANDUNGAN

##### BAB 1

- 1.00 SEJARAH RINGKAS
- 1.01 PEMBUNUHAN PERTAMA ANTARA MANUSIA
- 1.02 ACEH DAN POLITIK DI GUGUSAN NUSANTARA
- 1.03 PENGENALAN BATU ACEH
- 1.04 SEJARAH BATU ACEH

##### BAB 2

- 2.00 ISLAM DAN KEMATIAN DALAM MASYARAKAT MELAYU
- 2.01 PENGENALAN
- 2.02 KONSEP DUNIA, KEHIDUPAN, KEMATIAN DAN ALAM KEKAL
- 2.03 MASYARAKAT MELAYU MENGUMUMKAN KEMATIAN
- 2.04 JENAZAH DALAM MASYARAKAT MELAYU
- 2.05 BATU NISAN SEMENTARA
- 2.06 BATU NISAN KEKAL
- 2.07 ORIENTASI BATU NISAN
- 2.08 MELAWAT PUSARA DALAM MASYARAKAT MELAYU

##### BAB 3

- 3.00 TAPIOLOGI
- 3.01 JENIS OTHMAN
- 3.02 TERMINOLOGI
- 3.03 JENIS DAN SEMULAJADI BAHAN
- 3.04 SUMBER BATU
- 3.05 PERSAMAAN DALAM JENIS OTHMAN